

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
OLEH NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
Y.BHG PROF. DATO' DR MUSA BIN AHMAD**

**DI MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA)  
ANTARA USIM DAN INSTITUT TERJEMAHAN DAN BUKU MALAYSIA  
(ITBM) SERTA USIM DAN PERBADANAN KOTA BUKU**

**17 MAC 2016 (KHAMIS)  
GALERI CANSELORI**

---

*Terima kasih Saudara/i pengacara majlis*

*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

[Salutasi]

Datang tuan datang bersambut  
Ke Nilai Negeri Sembilan negeri beradat  
ITBM & KOTA BUKU nan disambut  
Menjalin ukhwah setia bersalut

Banyak bicara dalam bicara  
Bicara buku banyak tintanya  
Penuh makrifat dalam arca  
Pelbagai ilmu mengisi pesona

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) Antara Usim Dan Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia (ITBM) Serta Usim Dan Perbadanan Kota Buku pada petang yang indah ini. Terima kasih diucapkan kepada Bahagian Penerbitan serta PIJIM atas komitmen yang diberikan bagi melaksanakan majlis ini. Selamat datang saya ucapkan, walau pertama kali dalam pertemuan secara rasminya, tetapi saya percaya kita sudah duduk seiring sebelum ini bersama merencanakan segala penerbitan buku negara. Saya percaya juga kita sudah bersama dalam melaksanakan hasrat negara untuk melimpahruahkan negara dengan lubuk-lubuk ilmu, dengan khazanah-khazanah bangsa yang tidak ternilai.
2. Pada petang ini, tiga institusi besar dapat duduk semeja, terus berganding bahu berjalan seiring untuk sama-sama bersiaga bagi melunaskan impian negara untuk terus menggali lubuk ilmu dalam apa juga bidang demi masyarakat dan ummah seluruhnya. Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) bukanlah nama baharu dalam dunia penerbitan terjemahan dan penerbitan karya asli. Malah saya maklum, warga ITBM agresif menyusur bermula dari akar sehinggalah mencecah gemawan mencari lubuk-lubuk ilmu di merata dunia. Nama ITBM gah dalam dunia perbukuan dengan pelbagai acara yang menunjukkan taringnya. Oleh itu, di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah dan terima kasih atas kesudian ITBM terus berkerja keras dan berganding bahu dengan Penerbit USIM dalam

merancakkan lagi industri perbukuan negara. Begitu juga dengan Kota Buku yang bersama merancak dan menjadi nukleus pembangunan industri perbukuan negara. Peluang berganding bahu dalam dunia penerbitan digital atau e-book menjadikan industri buku kita lebih meriah dalam pelbagai dimensi warna.

3. Malah, saya maklum ITBM sering menghulurkan tangan, menunjuk cara kepada kami di mana sahaja ruang yang boleh bergerak bersama. Projek terbaharu dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan suntikan dana RM500 ribu untuk Projek Terjemahan dan Penerbitan Koleksi Ilmiah Pendidikan Tinggi Dalam Bidang Perubatan dan Kejururawatan dan beberapa karya yang masih dalam proses merupakan ladang-ladang ilmu yang belum diterokai lagi dan mungkin akan menjadi bahan bacaan yang mengujakan serta bermanfaat kepada masyarakat umum. Dalam usia yang agak muda dibandingkan dengan usia penerbit-penerbit universiti yang lain, USIM dapat berbangga dengan jumlah penerbitan yang sudah mencapai lebih 400 tajuk dalam pelbagai bidang dengan jumlah jualan setiap tahun yang boleh dibanggakan. Situasi ini menunjukkan buku-buku tersebut dibaca dan perkongsian ilmu berjalan dengan baik dan kejayaan ini bukan sahaja berada di kelompok lokal malah di peringkat global.
4. Saya boleh berbangga dengan usia yang muda apabila kita dirujuk dan diberi kepercayaan di peringkat serantau dan global. Kita pernah mempunyai kerjasama dan kepercayaan dari negara Indonesia dan juga Brunei, malah dalam mengejar USIM ‘25, Penerbit USIM sudah

menegakkan sauhnya di negara Jepun, Jerman dan juga negara Timur Tengah. Ini adalah sesuatu yang amat membanggakan bagi kami. Kecil-kecil cili api dan jangan disangkakan kita akan rebah sebelum duduk meraut ranjau. Tetapi seperti resam padi yang terus menunduk, kami fahami dan terus berusaha membaiki dan memantapkan diri dengan menjalinkan kerjasama dengan rakan-rakan strategik kami seperti yang ada pada hari ini iaitu ITBM dan Kota Buku. Kami percaya setiap kerjasama yang terjalin dengan orang-orang kuat dalam bidang perbukuan ini tidak akan menghamparkan kami malah, dapat merancakkan lagi industri perbukuan negara dan mengukuhkan lagi penjenamaan penerbit di merata pelosok. ITBM dan Kota Buku sudah membina jenama yang tersendiri dan kami sebagai salah satu pemangkin akan terus menerima dan menghulurkan kerjasama dalam menyemarakkan lagi perbukuan buku negara.

5. Malaysia mempunyai 28 juta orang penduduk yang memerlukan 1 peratus jumlah yang sama untuk mencapai negara maju, data sekarang kita hanya berada dalam lingkungan 17 ribu judul sahaja. Oleh itu gandingan penerbit USIM , ITBM dan Kota Buku akan merancakkan lagi jumlah penerbitan tersebut dan akan meneruskan kelangsungan kita bagi menyebarluaskan ilmu kepada masyarakat. Kerjasama antara Penerbit USIM dengan ITBM dan Kota Buku merupakan satu cara yang tepat. Sinergi ini bukan sahaja kita harapkan dan ternotkah dalam bidang penerbitan buku tetapi dilunasi sehingga akhirnya iaitu dalam bidang pemasaran juga. Walaupun kita bergerak dalam lumpur dan kolah yang sama, tetapi tujuan

pemasaran ada sedikit perbezaannya. Perbezaan ini menguntungkan kedua-dua pihak kerana jangkauan buku dapat bergerak lebih jauh kepada pelanggan di pelbagai pelosok dunia.

6. Akhir sekali, syabas diucapkan kepada pensyarah USIM yang semakin berminat dalam penulisan dan tidak berputus asa dalam penghantaran manuskrip. Sokongan padu semua pihak dalam memastikan penerbit terus membawa imej universiti yang positif dan berprestij amat diharapkan. Penerbit tidak pernah jemu dalam menjadikan aktiviti penerbitan agenda utama universiti. Semoga majlis yang diadakan ini dapat meningkatkan lagi penyertaan dan minat kakitangan akademik untuk menerbitkan buku di USIM sekali gus membantu peningkatan penerbitan USIM.

Kami ibarat :

Kata berjawab, gayung besambut,

Kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan,

Saya mengharapkan kerjasama ini bukan yang pertama untuk diakhiri, biarlah ia menjadi pemula kepada kerjasama yang lebih baik dan mantap pada masa hadapan, kerana sesungguhnya KOTA BUKU, ITBM DAN PENERBIT USIM berada dalam rentang gendang dan tari yang sama.

Akhir kata :

Yang disebut tunjuk ajar  
Menunjuk kepada yang elok  
Mengajar kepada yang benar  
Mendidik kepada yang baik

Dan bait-bait itu boleh terangkum dalam susunan segar dan indah  
yang dinamakan buku.

Wallah'hualam.

Sekian, wassalam.